

Cabaran didik zuriat disleksia

» Kebanyakan ibu bapa lewat sedar masalah anak, tiada sokongan atasi kesukaran pembelajaran



Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

Sebelum ini, dia suka menyelam dan kini mula menunjukkan minat bermain dram sejak tahun lalu. Saya akan pastikan apa saja perkara yang dilakukannya perlu memiliki sijil

Sebelum ini, dia suka menyelam dan kini mula menunjukkan minat bermain dram sejak tahun lalu. Saya akan pastikan apa saja perkara yang dilakukannya perlu memiliki sijil

“

Sebelum ini, dia suka menyelam dan kini mula menunjukkan minat bermain dram sejak tahun lalu. Saya akan pastikan apa saja perkara yang dilakukannya perlu memiliki sijil

Bagaimanapun, bukan semua ibu bapa melalui jalan mudah dalam membesar dan mendidik anak sebelum mereka mengicap kejayaan. Paling menguji kesabaran apabila anak yang diharapkan membesar secara normal seperti kanak-kanak lain menghadapi masalah pembelajaran sehingga sering ketinggalan di sekolah, memandangkan perkara itu hanya disedari ibu bapa di peringkat yang dianggap sudah terlewat.

Disleksia adalah antara masalah pembelajaran yang tidak disedari oleh kebanyakan ibu bapa, selain melihat ia suatu perkara yang asing kerana tidak pernah mendengar

leksia kira-kira tiga tahun lalu.

“Selama ini, saya ingat anak saya memang tidak pandai disebabkan dia sering ketinggalan dalam pelajaran sehingga saya terpaksa mengambil guru persendirian untuk memberi kelas tambahan di rumah.

“Tetapi cara itu tetap tidak memberi kesan kepadanya yang langsung tidak menunjukkan minat untuk belajar, selain selalu menangis apabila disuruh belajar.

“Sehinggalah suatu hari kakak saya ternampak dia melayari satu laman web di internet yang menunjukkan cara untuk memasang senjata api. Sejak itu, saya menyedari dia sebenarnya kanak-kanak bijak kerana mempunyai kecenderungan lain menyebabkan saya mula mencari jawapan apakah masalah dihadapinya,” katanya kepada FAMILI, baru-baru ini.

Sukmawati ditemui selepas Seminar Kesedaran Mengenai Masalah Pembelajaran Kanak-Kanak - Pemantauan dan Cabarannya, anjuran Mutiara Atikah dan Mai-Kidz Learning Centre (MKLC).



lam dan kini mula menunjukkan minat bermain dram sejak tahun lalu. Saya akan pastikan apa saja perkara yang dilakukannya perlu memiliki sijil sebagai jaminan masa depannya,” katanya.

Sharifah Mazlan, 45, pula berkata, beliau sanggup menyetepikan minatnya dalam bidang rekaan fesyen dan melupakan cita-cita bagi memiliki butik sendiri semata-mata untuk memastikan anaknya, Maisarah Fatehah Ridzwan, 14, yang dikesan mengalami disleksia sejak usia tiga tahun mendapat pen-



INFO

Apa itu disleksia?

- ⊙ Ia bukan penyakit tetapi gangguan dalam pembelajaran yang dihadapi di peringkat kanak-kanak seperti membaca, menulis, mengeja dan mengira.
- ⊙ Kanak-kanak disleksia mempunyai keupayaan intelek normal.
- ⊙ Purata empat hingga lapan peratus pelajar sekolah di negara ini mengalami masalah disleksia.
- ⊙ Kanak-kanak lelaki lebih ramai disleksia berbanding perempuan.

Ciri-ciri Disleksia:**Peringkat prasekolah:**

- ⊙ Lambat bertutur.
- ⊙ Mengalami kesukaran sebutan atau rima.
- ⊙ Sukar menulis nama sendiri.
- ⊙ Payah mengenal bentuk atau warna.
- ⊙ Sukar memberitahu cerita yang didengari.

Peringkat persekolahan:

- ⊙ Sukar membaca, menulis, mengeja atau mengira.
- ⊙ Tidak suka membaca dan mengelak daripada membaca dalam kelas.
- ⊙ Kesilapan semasa membaca huruf, perkataan atau nombor.
- ⊙ Bacaan terbalik seperti "15" menjadi "51".
- ⊙ "Was" menjadi "saw".
- ⊙ Keliru antara 'b' dengan 'd'.
- ⊙ Kurang koordinasi seperti sukar ikat tali kasut.
- ⊙ Keliru dengan konsep masa seperti 'semalam', 'hari ini' dan 'esok'.
- ⊙ Kesukaran faham, ingat dan mengikut arahan.
- ⊙ Selalu tersalah letak

Antara peralatan pembelajaran digunakan untuk mendidik kanak-kanak disleksia.



“
Saya terpaksa menerima keadaan itu dan menganggap ia adalah rezeki untuk anak saya bagi membolehkan dia mendapat peluang terbaik dalam pelajaran”

Sharifah Mazlan

“
Kaedah pengajaran bersemuka dalam kumpulan kecil atau dengan meletakkan seorang pelajar di bawah pengajaran seorang guru boleh

Didik masyarakat hapus stigma negatif

Kesedaran masyarakat mengenai kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran disifatkan masih belum meluas, menyebabkan mereka terus ketinggalan di sekolah.

Sehubungan itu, Felo Pusat Pengajian Sosial dan Ekonomi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Khairul Azhar Idris berkata, pendekatan proaktif amat diperlukan dalam mendidik masyarakat supaya mereka benar-benar memahami keadaan dan situasi kanak-kanak terbabit.

“Kanak-kanak disleksia biasanya mengalami gangguan pembelajaran yang menjejaskan mereka untuk membaca, menulis, mengeja dan mengira.

“Mereka tidak dapat disahkan sebagai penghidap disleksia selagi belum menjalani pemeriksaan, menyebabkan kanak-kanak terbabit biasanya tidak mendapat pembelajaran yang khusus dengan masalah yang dihadapi.

“Walaupun mereka berhak untuk belajar sebagai individu normal, tetapi memerlukan cara pembelajaran yang berbeza bergantung kepada tahap masalah yang dihadapi,” katanya yang ditemui selepas seminar yang sama.

Hak belajar

Khairul Azhar berkata, walaupun kanak-kanak disleksia boleh daftar sebagai OKU untuk membolehkan mereka menerima bantuan



“
Ibu bapa sepatutnya lebih mengutamakan kepentingan anak terbabit dengan memastikan mereka mendapat hak untuk belajar dengan sempurna selain hak lain yang diperuntukkan oleh kerajaan”

Khairul Azhar Idris,
Felo Pusat Pengajian Sosial dan Ekonomi IKIM

mendapat hak untuk belajar dengan sempurna, selain hak lain yang dipe-

menghadapi masalah pembelajaran lain berikutan kesukaran untuk mencari tempat belajar yang sesuai.

Tema anak OKU

Katanya, beliau juga memahami tema yang sering dihadapi oleh ibu bapa dengan anak yang mempunyai masalah pembelajaran ini apabila anak-anak mereka dilabel sebagai orang kurang upaya (OKU) yang melayakkan mereka mendapat kemudahan untuk pendidikan khas dan bantuan lain.

Ilmu dan maklumat

diketengahkan melalui seminar ini atas dasar tanggungjawab untuk berkongsi ilmu dan maklumat," katanya.

Tumpuan khusus

Sementara itu, guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Siti Khadijah Mohni, 36, turut berkongsi pengalaman mengajar dan membimbing kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran.

Katanya, kanak-kanak dengan

atau hilang barang.

"Bagaimanapun, saya terpaksa menerima keadaan itu dan menganggap ia adalah rezeki untuk anak saya bagi membolehkan dia mendapat peluang terbaik dalam pelajaran.

"Selain bantuan bulanan daripada Jabatan Pendidikan Negeri, mereka juga mendapat keistimewaan ketika peperiksaan penting kerana akan diberikan seorang guru pemantau, selain masa tambahan," katanya.

masalah pembelajaran terbabit perlu diberikan tumpuan dan perhatian khusus dalam kelas untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dan mampu bersaing dengan rakan sekelas lain yang normal.

"Daripada pengalaman saya sebagai guru KAFA, kanak-kanak disleksia ini sebenarnya mampu bersaing dengan kanak-kanak normal lain jika mereka diberikan perhatian khas.

Seorang guru boleh membantu mereka menerima dan memahami apa yang diajarkan secara berkesan"

Siti Khadijah Mohni
Guru KAFA

"Kaedah pengajaran bersemuka dalam kumpulan kecil atau dengan meletakkan seorang pelajar di bawah pengajaran seorang guru boleh membantu mereka menerima dan memahami apa yang diajarkan secara berkesan.

"Daripada tidak tahu mengaji, pelajar terbabit mampu membaca sendiri al-Quran, malah mendapat markah yang lebih baik dalam ujian berbanding rakan yang normal," katanya.

lelakan mereka menerima bantuan kerajaan dan mengikuti kelas pemulihan khas, masih ramai ibu bapa yang mempunyai stigma enggan berbuat demikian.


"Kebanyakan ibu bapa memberikan reaksi yang berbeza apabila ada yang mengaitkan anak mereka sebagai OKU, malah ada yang enggan menerima hakikat berkenaan.

"Ibu bapa sepatutnya lebih mengutamakan kepentingan anak terbabit dengan memastikan mereka

semptu na, selain nak lain yang terpaksa dituntukkan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata, stigma seperti itu tidak sepatutnya wujud jika masyarakat mendapat kefahaman jelas mengenai keadaan kanak-kanak disleksia.

Katanya, masyarakat perlu tahu disleksia bukan bermaksud kanak-kanak terbabit bodoh kerana kajian menunjukkan mereka mempunyai tahap kecerdasan intelektual yang normal.



Seminar Kesedaran Mengenai Masalah Pembelajaran Kanak-kanak - Pemantauan dan Cabarannya diadakan baru-baru ini.